

Saham Samchem Holdings terlebihi langganan 18.1 kali

SEBANYAK 76 juta saham yang ditawarkan Samchem Holdings Bhd, pengeluar bahan kimia perindustrian, sempena penyena-raiannya di Papan Utama Bursa Malaysia, menerima lebih langganan sebanyak 18.1 kali.

Dalam kenyataan semalam, Samchem berkata, ia menerima permohonan sebanyak 4,541 untuk 76 juta saham bagi bahagian terbitan awam yang bernilai RM53.967 juta.

Katanya, bahagian terbitan awam itu merangkumi senario minimum terbitan berjumlah 3.99 juta saham kepada nilai maksimum berjumlah 6.80 juta saham.

"Susulan lebih langganan berkenaan, ia menyaksikan syarikat mencapai kepada senario terbitan maksimum yang mana membolehkan syarikat meraih RM15.17 juta daripada terbitan 21.36 juta saham baru pada harga 71 sen seunit," katanya.

Daripada 21.36 juta saham, tiga juta saham ditawarkan kepada pekerja dan pengarah, 3.42 juta melalui tawaran persendirian dan 8.14 juta untuk pelabur Bu-

miputera yang diluluskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Kenyataan itu menambah, daripada RM15.17 juta yang diperoleh, RM8.17 juta akan diperuntukkan untuk modal kerja, RM3 juta untuk pembinaan kilang dan pemerolehan kilang dan peralatan jentera, RM500,000 bagi membeli trak dan RM3.5 juta sebagai perbelanjaan penyena-raian.

Pengarah Urusan Samchem, Ng Thin Poh, berkata pihaknya gembira dengan tahap langganan yang positif itu berdasarkan keadaan pasaran modal yang mencabar.

"Sambutan menggalakkan ini mencerminkan bukannya hanya keyakinan pelabur dalam prospek pertumbuhan kumpulan, tetapi juga sentimen positif mereka terhadap penyena-raian baru," katanya.

Samchem, yang akan disenaraikan di Bursa Malaysia pada 23 Jun ini, muncul syarikat pertama membuat tawaran awam permulaan (IPO) tahun ini dengan menawarkan sehingga 40.9 juta sahamnya.